

# Denggi di Selangor membimbangkan

SINAR HARIAN 13/07/2019 M/S 33

**Rekod 34 kematian berbanding 16 kematian pada tahun lalu**

MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

SHAH ALAM



**Dr Siti Mariah (tengah) serta Ketua Penolong Pengarah Jabatan Kesihatan Selangor, Dr Sharifah Malihah Wan Mustapha pada sidang akhbar di Foyer Dewan Annex Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah semalam.**

SHAH ALAM - Selangor mencatatkan peningkatan kes demam denggi yang amat membimbangkan apabila sebanyak 34 kematian direkodkan tahun ini berbanding 16 kematian tahun lalu.

Peningkatan kes tersebut dilihat ketara terutama selepas musim perayaan.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, kes demam denggi mencatatkan peningkatan sebanyak 100 per-

ratus.

“Sehingga minggu epidemiologi ME 27 iaitu pada 1 Julai lalu, sebanyak 37,263 kes daftar denggi dengan kematian 34 kes dicatatkan.

“Ini sekaligus mencatatkan peningkatan yang ketara berbanding 19,357 kes pada tahun

lepas dan peningkatan kes daftar sebanyak 17,906 kes iaitu 108 peratus,” katanya kepada pemberita pada sidang akhbar pelancaran Program Mega Cari dan Musnah Aedes Selangor di Foyer Dewan Annex Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah semalam.

Katanya, daerah Petaling mencatatkan bilangan tertinggi kumulatif kes denggi.

“Sebanyak 14,418 kes dicatatkan di daerah Petaling pada tahun ini berbanding 6,267 kes tahun lepas.

“Manakala daerah Sabak Bernam mencatatkan kes daftar denggi paling rendah iaitu sebanyak 133 kes,” katanya.

Siti Mariah berkata, gotong royong mega Selangor Bebas Aedes dengan Program Cari dan Musnah Aedes akan diadakan di seluruh Selangor Ahad ini.

“Program akan dijalankan pada sepanjang Julai ini. Semua agensi kerajaan dan pemimpin tempatan, Ahli Majlis, ketua-ketua kampung lokaliti Combi di seluruh daerah dan NGO diminta untuk menyertai program ini.

“Program ini juga diadakan sempena Hari Denggi Asean Peringkat Negeri Selangor yang dilancarkan semasa Karnival 3W, 6 Julai lalu,” katanya.